

Angkara lori

- Ragut nyawa orang awam setiap minggu
- Pihak berkuasa perlu lebih bertegas

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI dan ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

PETALING JAYA – Kisah menyayat hati yang meragut nyawa sembilan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) di Teluk Intan pada pagi Selasa lalu membuka mata ramai pihak mengenai tahap keselamatan kenderaan berat khususnya lori ketika berada di jalan raya.

Tragedi melibatkan lori muatan batu dan trak FRU itu turut mencetuskan kebimbangan dalam kalangan pengguna jalan raya mengenai risiko kemalangan yang boleh berlaku pada bila-bila masa.

• BERSAMBUNG DI MUKA 2



Angkara lori

DARI MUKA 1

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 825 lori terlibat kemalangan maut dalam tempoh 10 bulan pertama tahun lalu, menunjukkan betapa seriusnya isu membabitkan kenderaan berat.

Untuk tahun ini sahaja, beberapa kes kemalangan maut melibatkan lori telah mengemparkan negara termasuklah kes kematian sembilan anggota FRU ketika dalam perjalanan pulang ke Ipoh selepas selesai tugas.

Pada 27 Mac lalu, lima maut termasuk tiga beranak selepas sebuah treler bergesel dengan Toyota Camry sebelum memasuki laluan bertentangan dan bertembung dua kenderaan lain di Kilometer 58.1, Lebuhraya Utara-Selatan dekat Kluang, Johor pada pukul 11.45 malam.

Nahas yang berlaku menjelang Hari Raya Aidilfitri itu turut menyebabkan lapan yang lain cedera yang berpunca daripada tayar hadapan treler berkenaan pecah sehingga kenderaan tersebut hilang kawalan.

Empat hari kemudian iaitu pada 31 Mac, tiga maut selepas sebuah lori hilang kawalan sebelum masuk ke laluan bertentangan di Kilometer 50.8, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, Bentong, Pahang pada pukul 5.25 petang.

Pada 18 Mac lalu, dua beranak turut rentung dalam nahas membabitkan dua buah lori di Kilometer 331.8, Lebuhraya Utara-Selatan arah utara berhampiran kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Tapah, Perak.

Pada 6 Januari pula, seorang tukang masak maut, manakala bayinya kritikal apabila kenderaan yang mereka nalki bertembung sebuah lori yang memasuki laluan bertentangan di Kilometer 86 di Jalan Johor Bahru-Ayer Hitam, Kluang, Johor.

Terbaharu, pada Rabu lalu,

seorang pengawal keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), maut selepas motosikal yang ditunggang dirempuh sebuah lori yang mengalami masalah brek di Kilometer 13, Jalan Banting-KLIA di Kuala Langat, Selangor.

Kisah-kisah tragis yang membawa kematian ini mencetuskan pelbagai persoalan mengenai tahap keselamatan kenderaan berat sama ada telah diselenggara dengan baik ataupun tidak.

Persoalan juga disuarakan mengenai ketegasan kerajaan, sama ada melibatkan aspek perundangan dan hukuman, sehinggalah kepada isu ketetapan had laju bagi kenderaan berat.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah turut bertitah supaya tindakan lebih tegas kepada pemandu kenderaan berat termasuk penarikan lesen memandu perlu dilakukan sekiranya didapati bersalah menyebabkan kematian atau kecederaan parah.

Titah baginda, tindakan itu wajar selain denda atau penjara kepada pemandu dan syarikat yang terlibat itu.

"Melihat kepada jumlah kes dan tragedi seumpamanya yang kian meningkat serta kadar kemalangan jalan raya yang semakin kerap berlaku, beta mahu tindakan segera yang lebih tegas diambil oleh pihak berkuasa.

"Beta mahu, sekiranya didapati bersalah dan menjadi punca dalam kemalangan maut atau menyebabkan kecederaan parah, pemandu dan syarikat terlibat bukan sahaja perlu didenda atau dipenjarakan, malah lesen memandu mereka wajar ditarik balik," titah baginda menerusi laman Facebook Rasmi Selangor Royal Office kelmarin.

Mengulas lanjut, Pakar Keselamatan Jalan Raya yang juga Pensyarah Jabatan Kesihatan



TIGA maut dalam kejadian kemalangan melibatkan sebuah lori yang terbebas di KM 50.7, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) berdekatan Bentong pada 30 Mac lalu.

KES KEMALANGAN LIBATKAN LORI

2 JANUARI 2025

Seorang pemandu lori maut selepas tayar sebelah kanan kenderaan dipandunya itu pecah, menyebabkan dia hilang kawalan dan melanggar sebuah lori dari arah bertentangan di Jalan Titi Karangan-Baling dekat Kulim, Kedah.

6 JANUARI 2025

Seorang tukang masak maut, manakala bayinya kritikal apabila kenderaan yang mereka nalki bertembung sebuah lori yang memasuki laluan bertentangan di Kilometer 86 di Jalan Johor Bahru-Ayer Hitam, Kluang, Johor.

18 MAC 2025

Dua beranak rentung dalam nahas membabitkan dua buah lori di Kilometer 331.8, Lebuhraya Utara-Selatan arah utara berhampiran kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Tapah, Perak.

27 MAC 2025

Lima maut termasuk tiga beranak selepas sebuah treler bergesel dengan Toyota Camry sebelum memasuki laluan bertentangan dan bertembung dua kenderaan lain di Kilometer 58.1, Lebuhraya Utara-Selatan dekat Kluang, Johor, pada pukul 11.45 malam menjelang Aidilfitri.

30 MAC 2025

Tiga maut selepas sebuah lori hilang kawalan dan masuk ke laluan bertentangan di Kilometer 50.8, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, Bentong, Pahang.

13 MEI 2025

Sembilan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) Unit 5 Ipoh maut, manakala sembilan lagi cedera apabila sebuah lori muatan batu merempuh trak pasukan keselamatan itu di Jalan Chikus-Sungai Lampam, Teluk Intan, Perak.

14 MEI 2025

Seorang vendor perkhidmatan mel udara maut selepas motosikal yang ditunggang terbabit dalam kemalangan dengan lori 10 tan di Jalan Labuhan Dagang, Kuala Langat, Selangor.

14 MEI 2025

Pemandu Perodua Viva maut selepas sebuah lori menyondol kereta dipandunya yang berhenti di lorong kanan di kilometer 104.1 Lebuhraya Utara-Selatan (arah selatan) berhampiran Yong Peng, Johor Bahru.

15 MEI 2025

Seorang pengawal keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), maut selepas motosikal yang ditunggang dirempuh sebuah lori yang mengalami masalah brek di Kilometer 13 Jalan Banting-KLIA di Kuala Langat, Selangor.

15 MEI 2025

Seorang suri rumah maut selepas kereta dipandunya yang membawa dua anak lelaki terbabas sebelum bertembung sebuah lori di Kilometer 42, Jalan Gua Musang-Kuala Krai dekat Felda Chiku 3, Gua Musang, Kelantan.



KEADAAN kemalangan di KM 58.1, Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan berhampiran Kluang yang mengorbankan lima nyawa pada 27 Mac lalu.